

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Kementerian terhadap isu pekerja asing di dalam kawasan kilang dan di luar kilang

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi perhatian baik dari sudut kebajikan pekerja mahupun kepentingan majikan terutamanya dalam isu penggajian pekerja asing. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah menjalankan langkah-langkah berkaitan isu pekerja asing sama ada dalam kawasan kilang atau di luar kilang seperti berikut:

1. Menjalankan pemeriksaan berkanun di dalam premis-premis majikan bagi memastikan hak-hak pekerja yang ditetapkan oleh undang-undang dipatuhi oleh majikan. Undang-undang perburuhan di Malaysia tidak mengecualikan hak-hak pekerja asing yang bekerja di Malaysia;
2. Pembayaran kerja lebih masa, pemberian cuti tahunan, cuti sakit dan segala peruntukan dalam Akta Kerja 1955 dan Perintah Gaji Minimum terpakai untuk pekerja asing. Sehingga Oktober 2021, sebanyak 20,629 pemeriksaan berkanun telah dilaksanakan dan sebanyak 1,639 notis pematuhan telah dikeluarkan kepada pihak majikan pada tahun 2021; dan
3. Sesi dialog bersama pekerja termasuk pekerja asing juga diadakan semasa pemeriksaan berkanun bagi memaklumkan tentang tanggungjawab dan hak sebagai seorang pekerja terutamanya dari sudut perundangan.

Perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini juga tidak membezakan di antara pekerja tempatan dan pekerja asing. Di bawah Seksyen 15, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), majikan bertanggungjawab memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya, termasuk pekerja asing.

SOALAN NO : 169

Di bawah Seksyen 24 Akta yang sama, semua pekerja termasuk pekerja asing hendaklah memberikan perhatian sewaktu menjalankan kerja agar tidak membahayakan diri sendiri dan pekerja lain. Pekerja juga perlu memberi kerjasama dan mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta memakai atau menggunakan kelengkapan perlindungan diri yang dibekalkan oleh majikan.

Sehingga September 2021, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan 214,279 aktiviti penguatkuasaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Daripada penguatkuasaan ini, sebanyak 149 tindakan pendakwaan dijalankan, melibatkan 351 kompaun, 5,238 notis larangan, 2,811 notis perbaikan dan 27,907 surat arahan telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Akta 514.

Manakala bagi mengawal pekerja asing di luar kawasan kilang atau di tempat penginapan pekerja, Kerajaan telah memperluaskan pemakaian Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] ke semua sektor tidak mengira penginapan bagi pekerja tempatan mahupun pekerja asing. Perkara ini penting dalam memastikan majikan menyediakan penginapan yang bersesuaian dan selesa selari mengikut piawaian antarabangsa khususnya R115 ILO – *Workers' Housing Recommendation*, 1961 (No.115).

Majikan juga dipertanggungjawabkan untuk menyelia kawasan penginapan pekerja asing supaya tindaklaku dan kegiatan pekerja asing tidak mengganggu penduduk setempat dari sudut kebersihan, bunyi bising dan sebagainya. Sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 33,894 majikan telah diperiksa melibatkan sebanyak 150,040 penginapan pekerja. Dari jumlah ini, 1,148 kertas siasatan telah dibuka dan sebanyak 916 majikan telah dikenakan tindakan pendakwaan dan kompaun.